

**GARIS PANDUAN
PERMOHONAN INSENTIF SENI - KEWANGAN
JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA**

1. Insentif Seni Kewangan

- 1.1 Bantuan kewangan berupa duit benih (*seed money*) untuk menampung sebahagian kos program dan aktiviti.
- 1.2 **Had maksima** pemberian bantuan adalah sebanyak **RM15,000.00** sahaja.
- 1.3 Permohonan hanya terbuka kepada **Badan Bukan Kerajaan (BBK)** yang Berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan Malaysia (ROS) mengikut Akta Pendaftaran Pertubuhan 1966 atau berdaftar dengan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1974.
- 1.4 Berikut adalah skop program dan aktiviti yang akan dipertimbangkan untuk bantuan;
 - 1.4.1 Pembangunan Kandungan
 - 1.4.2 Pembangunan Kapasiti dan Sidang Keilmuan
 - 1.4.3 Penyelidikan dan Pembangunan Seni Budaya
 - 1.4.4 Pembangunan Modal Insan Seni
 - 1.4.5 Program Jangkauan (*outreach*)

** Insentif Kewangan tidak boleh digunakan untuk pengurusan dan pentadbiran BBK seperti menampung kos sewaan ruang pejabat BBK dan kos utiliti.*
- 1.5 Permohonan bagi Insentif Kewangan JKKN dibuka pada 1 Mei 2020 sehingga 1 Oktober 2020. Mesyuarat Jawatankuasa Insentif Seni-Kewangan (JKIS-K) JKKN diadakan tiga (3) kali setahun bagi menilai dan meluluskan permohonan daripada BBK.

2. Syarat Permohonan

- 2.1 **BBK mesti berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan Malaysia (ROS)** mengikut Akta Pendaftaran Pertubuhan 1966 atau berdaftar dengan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1974. (Permohonan universiti perlu melalui MAKUM).
- 2.2 Yayasan berkaitan seni budaya yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang bukan bersifat keuntungan **boleh dipertimbangkan** permohonannya dengan menyertakan dokumen tambahan. (Dokumen yang menyatakan Yayasan tersebut bukan bersifat keuntungan)
- 2.3 **Pendaftaran BBK masih sah** pada tarikh permohonan dan program.
- 2.4 Keutamaan adalah bagi program dan aktiviti yang mempunyai **impak kepada perkembangan seni budaya di Malaysia.**

- 2.5 BBK hanya boleh memohon **satu (1) program dan aktiviti dalam tahun semasa**. Sekiranya permohonan pertama ditolak atau tidak berjaya, BBK boleh membuat permohonan baharu bagi program lain (baharu).
- 2.6 BBK mesti mengisi **Borang Permohonan Insentif Seni – Kewangan** dengan lengkap **beserta ulasan Pengarah JKKN Negeri** dan mesti menyertakan dokumen berikut;
 - 2.6.1 **Salinan Sijil Pendaftaran BBK** (Berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan Malaysia (ROS) atau berdaftar dengan Akta Universiti Dan Kolej Universiti 1974)
 - 2.6.2 **Kertas Kerja** Program atau Aktiviti
 - 2.6.3 **Profil BBK** (visi, misi dan tujuan penubuhan persatuan, jumlah ahli persatuan yang berdaftar sama ada aktif atau tidak aktif, senarai program terdahulu dan pengalaman/pencapaian)
 - 2.6.4 **Salinan Laporan Kewangan** dan **Salinan Penyata Kewangan** Tahun Terkini
 - 2.6.5 Salinan muka surat depan **Penyata Akaun Bank**
- 2.7 Kertas kerja perlu menyatakan **perancangan dan keberhasilan (outcome)** program dan aktiviti bagi tempoh satu (1) hingga tiga (3) tahun.
- 2.8 Program/aktiviti yang mempunyai kesinambungan bagi tempoh satu (1) hingga tiga (3) tahun, akan dipertimbangkan untuk diberi bantuan pada tahun berikutnya atau mengikut tempoh tahun pelaksanaan program tersebut berdasarkan impak dan keberhasilan program dan aktiviti.
- 2.9 Permohonan **tidak boleh lewat daripada 60 hari** dari tarikh pelaksanaan program ATAU mesyuarat JKIS-K ATAU tarikh tutup penghantaran permohonan. Bagi program dan aktiviti bersifat antarabangsa yang dilaksanakan dalam Malaysia adalah **tidak boleh lewat daripada 90 hari** dari tarikh pelaksanaan program ATAU mesyuarat JKIS-K ATAU tarikh tutup penghantaran permohonan. Permohonan yang lewat akan ditolak.
- 2.10 Pemohon MESTI menghantar permohonan ke JKKN negeri bagi mendapatkan ulasan Pengarah JKKN negeri. JKKN negeri akan menghantar permohonan pemohon ke Urus Setia Insentif Seni di ibu pejabat JKKN.

3. Perkara Yang Menyebabkan Permohonan Ditolak atau Gagal

- 3.1 Persatuan atau Pertubuhan yang **tidak berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan Malaysia (ROS)** atau berdaftar dengan Akta Universiti Dan Kolej Universiti 1974
- 3.2 Pertubuhan politik, pertubuhan bertujuan keuntungan dan orang perseorangan (individu).
- 3.3 BBK yang telah **dibatalkan pendaftaran oleh ROS** pada tarikh permohonan dibuat.

- 3.4 **Borang permohonan dan dokumen sokongan yang tidak lengkap** akan menyebabkan permohonan anda DITOLAK serta merta.
- 3.5 Permohonan yang **tidak mendapatkan ulasan Pengarah JKKN Negeri** akan ditolak. Permohonan mesti melalui JKKN negeri.
- 3.6 Permohonan yang **diterima selepas tarikh** pelaksanaan program ATAU mesyuarat JKIS-K ATAU tarikh tutup penghantaran permohonan.
- 3.7 BBK yang disenarai hitam oleh JKKN/MOTAC. (BBK yang pernah menerima bantuan JKKN/MOTAC tetapi tidak menghantar laporan aktiviti dan kewangan.)

4. Tarikh Tutup Permohonan Dan Mesyuarat JKIS-K

BIL	SESI	TARIKH TUTUP PERMOHONAN	TARIKH MESYUARAT JKIS-K	KEPUTUSAN
1.	Sesi Pertama	15 Mei 2020 (Khamis)	21 Mei 2020 (Jumaat)	27 Mei - 15 Jun 2020
2.	Sesi Kedua	2 Julai 2020 (Khamis)	10 Julai 2020 (Jumaat)	14 - 31 Julai 2020
3.	Sesi Ketiga	1 Oktober 2020 (Khamis)	9 Oktober 2020 (Jumaat)	13 - 30 Oktober 2020

Nota:

- * Jadual mesyuarat adalah tertakluk kepada keadaan semasa. Sebarang perubahan mesyuarat akan dimaklumkan di laman sesawang JKKN.
- * Penyaluran Insentif Kewangan Ke BBK adalah sekurang-kurangnya tujuh (7) hari bekerja selepas keputusan mesyuarat JKIS-K diluluskan oleh Pegawai Pengawal MOTAC atau selepas Surat Setuju Terima (SST) ditandatangani oleh pemohon dan diterima oleh urus setia.

5. Prosedur Penyaluran Insentif – Kewangan

- 5.1 Keputusan permohonan akan dimaklumkan kepada BBK melalui surat dan panggilan telefon.
- 5.2 BBK yang diluluskan permohonan, WAJIB mengisi Surat Setuju Terima (SST) dan dikembalikan semula ke urus setia dengan kadar segera bagi membolehkan proses penyaluran kewangan ke akaun BBK dilakukan.
- 5.3 Penyaluran kewangan bagi permohonan yang diluluskan akan dilakukan sebanyak **dua (2)** kali iaitu;

- 5.3.1 **Penyaluran 90%** daripada jumlah yang diluluskan akan disalurkan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja daripada tarikh kelulusan oleh Pegawai Pengawal MOTAC dan SST dikembalikan kepada urus setia.
- 5.3.2 **Penyaluran baki 10%** daripada jumlah yang diluluskan akan disalurkan selepas pemohon menghantar laporan pelaksanaan program dan laporan kewangan yang lengkap kepada urus setia serta selepas SST dikembalikan kepada urus setia.

6. Cara Memohon:

- 6.1 Pemohon boleh mendapatkan borang di pejabat JKKN negeri atau dimuat turun daripada laman rasmi JKKN www.jkkn.gov.my.
- 6.2 Permohonan dihantar ke pejabat JKKN negeri bagi mendapatkan ulasan Pengarah JKKN negeri. Permohonan yang tidak lengkap dan tidak mendapatkan ulasan Pengarah JKKN Negeri akan ditolak.
- 6.3 Pihak JKKN akan menghubungi pemohon melalui surat atau e-mel bagi memaklumkan keputusan permohonan sekurang-kurangnya dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja selepas keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Insentif Seni – Kewangan diluluskan oleh Pegawai Pengawal MOTAC.
- 6.4 Bagi maklumat lanjut, pemohon boleh menghubungi pegawai berikut:

Pegawai Perhubungan:

- i. En. Mohd. Zuhairi bin Ibrahim (03 2614 8200 samb. 8233) / zuhairi@jkkn.gov.my
- ii. Cik Khayethtri Segaran (03 26514 8200 samb. 8293) / khayethtri@jkkn.gov.my
- iii. Talian umum Urus Setia Insentif Seni JKKN: 03 2614 8200 samb. 8264 / psnb@jkkn.gov.my
- iv. Pegawai di JKKN negeri seluruh Malaysia. (Sila rujuk nombor telefon JKKN negeri di bawah)

NO	NEGERI	NO.TELEFON	NO FAX
1	JKKN Perlis	04-979 3604	04-977 0117
2	JKKN Kedah	04-731 5930	04-733 8128
3	JKKN Penang	04-281 7791	04-281 7781
4	JKKN Perak	05-253 7001 / 05-254 1027	05-241 7017

5	JKKN Selangor	03-5510 2664 / 03-5510 2791	03-5510 2839
6	JKKN WP Kuala Lumpur	03-2072 6431 / 03-2072 6779	03-2070 4064
7	JKKN Negeri Sembilan	06-767 6793 / 06-763 6308	06-763 4417
8	JKKN Melaka	06-233 1790 / 06 233 1787	06-233 1784
9	JKKN Johor	07-224 8270 / 07 223 1249	07-223 9413
10	JKKN Pahang	09-517 8466	09-517 9466
11	JKKN Terengganu	09-617 8831	09-617 8832
12	JKKN Kelantan	09-741 7000	09-741 7004
13	JKKN Sarawak	082-422 006	082-244 394
14	JKKN Sabah	088-237 052	088-242 052

6.5 Pertanyaan secara bertulis juga boleh dihantar ke alamat berikut;

Urus Setia Jawatankuasa Insentif Seni

Bahagian Pengukuhan Seni dan Budaya (PS&B)

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN)

Aras 30, Menara TH Perdana

Lot 1001, Jalan Sultan Ismail

50250 KUALA LUMPUR

Tel: 03 2614 8200 samb. 8233/8293

No.Faks: 03 2697 1066

E-mel: psnb@jkkn.gov.my

TAMAT